

Shell Sasar Buka 950 Stesen Di Seluruh Negara Menjelang Akhir 2011
Bernama
6 September 2011

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Shell Malaysia Trading Bhd Selasa berkata ia merancang membuka 950 stesen petrol di seluruh negara menjelang akhir tahun ini sebagai sebahagian daripada pelan peluasannya.

Ia kini mengurus 900 stesen dalam negara.

Bercakap kepada pemberita selepas "Shell Select Refresh & Win Contest Grand Finale" di sini Selasa, Pengurus Operasi dan Jualan Runcit Nasional Leslie Ng berkata syarikat itu menyasarkan membuka sekurang-kurangnya 20 stesen baharu dalam negaram setiap tahun, dalam tempoh terdekat.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas mengenai kos untuk pelaburan itu.

"Kos sebenar pelaburan berbeza mengikut lokasi dan saiz tanah," kata Ng.

Pelan peluasan itu juga membabitkan Shell Select Shops, yang dijangkakan bertambah bilangannya bersama pembukaan setiap stesen baharu. katanya.

Pertandingan akhir "Shell Select Refresh & Win, yang bermula Jun lepas, menyaksikan 18 pelanggan Shell Select pulang dengan hadiah wang tunai bernilai RM48,000.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Shell Malaysia dengan usaha sama rakan rangkaian, BonusLink, dan rakan pilihannya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=611804>